

# SCS mampu peroleh RM50 juta tahun ini

Oleh Zainab Mohd Yatim

BH-21/07/03

SYSTEM Consultancy Services Sdn Bhd (SCS), pembuat kubah dan kapal layar daripada bahan komposit, yakin operasinya akan terus kukuh tahun ini, dengan unjuran perolehan sebanyak RM50 juta.

Tahun lalu, syarikat berkenaan memperoleh perolehan sebanyak RM35 juta.

Pengerusi Eksekutifnya, Khalilur Rahman Ebrahim, berkata syarikat ketika ini mempunyai tempahan membina kapal layar dan kubah bernilai RM80 juta yang perlu disiapkan dalam tempoh dua tahun.

"Sasaran kami kini ialah untuk mendapatkan tempahan sekurang-kurangnya RM50 juta setiap tahun, iaitu sesuai dengan kemampuan kami ketika ini," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kilang pengeluaran produk berasaskan bahan komposit syarikat itu terletak di Pusat Penyelidikan Teknologi Komposit Malaysia (CTRM) di Batu Berendam,

Melaka.

Kira-kira 80 peratus produk kubah dan kapal layar yang dieksporthannya adalah untuk pasaran eksport.

Khalilur Rahman berkata, syarikat menerima kebanyakan tempahan kapal layar daripada Australia, Eropah, Amerika Syarikat dan Britain, manakala tempahan

untuk kubah diterima daripada pelanggan tempatan, Abu Dhabi dan Turkmenistan serta beberapa negara lain di Asia Barat.

Selain mendapat tempatan terus daripada pelanggan, SCS turut menghasilkan produk bagi pembuat kelengkapan asli (OEM), katanya.

Beliau berkata, antara projek penting yang sedang disiapkan SCS, ialah sebuah kapal layar berkejujukan tinggi bernilai RM15 juta yang ditempah oleh seorang ahli perniagaan Jepun.

Katanya, kerja menyiapkan kapal layar itu akan memberikan pengalaman dan pengetahuan baru kepada syarikat dan kakitangannya, khususnya dari segi rekaan dan teknologi canggih.

SCS ditubuhkan pada 1993 sebagai agensi perunding dalam bidang kejuruteraan teknologi maklumat dan memulakan pembabitan dalam industri komposit pada 1996.

Iakini mempunyai kira-kira 500 kakitangan.

"Industri komposit ialah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan

bidang ini mempunyai potensi besar di pasaran tempatan dan luar negara.

"Ia belum ada banyak saingan kerana kebanyakan usahawan tidak berminat untuk menceburinya kerana industri ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran serta teknologi yang tinggi," katanya.

Khalilur Rahman, berkata kelebihan menggunakan bahan komposit ialah walaupun ia lebih mahal iaitu dalam lingkungan 20 peratus lebih tinggi daripada penggunaan konkrit, namun ia tahan lama dan lebih ringan.

Selain kapal layar dan kubah, bahan itu juga sesuai untuk badan kenderaan automotif.

Katanya, SCS memperoleh teknologi dalam bidang komposit itu dari rakan kongsi dari Jerman, yang turut memiliki 20 peratus kepentingan dalam sebuah daripada anak syarikatnya, iaitu Dian Kreatif Sdn Bhd.

Mengenai bahan mentah yang diperlukan syarikat, beliau berkata, 40 peratus adalah diperolehi daripada Australia, Amerika, Britain dan Jepun.